ENJIT-ENJIT SEMUT

Permainan ini dimainkan oleh kanak-kanak secara berkumpulan terdiri dari lima hingga enam pemain. Lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak perempuan mahupun lelaki berumur lapan tahun ke atas di dalam rumah. Setiap pemain dikehendaki menjinjit belakang telapak tangan pemain lain dengan ibu jari dan jari telunjuk secara berselang-seli menggunakan kedua-dua tangan. Mereka seterusnya dikehendaki menghenjut tangan bersama-sama sambil menyanyikan rangkap ini berulang kali:-

'Enjit Enjit Semut'
'Siapa Sakit Naik Atas…'

Sebaik sahaja rangkap tersebut selesai dinyanyikan tangan yang terletak dibawah sekali akan naik diatas. Permainan ini diulangi dan diteruskan sehingga semua tangan pemain berpeluang naik ke atas dan merasai cubitan. Sebelum jinjitan dilepaskan, kesemua pemain dikehendaki menghenjut tangan dengan lebih kuat secara serentak sambil menyebut:-

'Nek Oh Nek…'
'Rumah Nenek Hendak Runtuh…'
'Rak Rak Ruuummmm…'

ENJIT-ENJIT SEMUT

This game is played in a group of five to six players, by both boys and girls. The players stand in a circle, place their hands palm down alternating on top of the other, taking a pinch of skin of the other's back of the palm between forefinger and thumb. Each player then pinches the hand of the other as they together repeatedly sing a little ditty that does:-

'Enjit Enjit Semut'
'Siapa Sakit Naik Atas…'

Each time this verse is sung, the player whose hand is lowest in the pile move it to the top. This goes on until the last of the players has moved his or her hand to the top. At this all the player pinch each other simultaneously and together reciting thus:-

'Nek Oh Nek…'
'Rumah Nenek Hendak Runtuh…'
'Rak Rak Ruuummmm…'

This is agin loosely translated… Granny oh Granny… Your House Come Tumbling Down… Rak Rak Ruuumm……





